

10 OCT 2002

MAHATHIR-KOREA/I

M'SIA BOLEH BERJAYA SEPERTI KOREA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Semangat nasionalisme dan disiplin yang tinggi serta etika kerja yang baik akan membolehkan Malaysia berjaya sebagai sebuah negara yang kuat seperti Korea, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Ini adalah nilai-nilai yang membantu Korea mengatasi dan pulih dengan pantas daripada kesan krisis kewangan 1997/98, katanya pada sesi dialog di persidangan "Mempelajari daripada Korea Selatan - Mengekalkan Pertumbuhan dalam Persekitaran Dinamik" yang dianjurkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Dr Mahathir berkata: "Produktiviti, disiplin dan semangat nasionalisme yang tinggi membantu mereka pulih dengan pantas. Ketika kemuncak krisis, seperti yang anda masih ingat, rakyat malahan menyumbang wang dan barang kemas mereka."

Tidak seperti Malaysia, katanya, Korea tidak menyandarkan kadar pertukarannya pada ketika itu tetapi sebaliknya meminjam daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Ketika sesetengah negara yang menerima dasar IMF menemui kegagalan, Korea sebaliknya berjaya kerana mereka begitu patriotik, nasionalistik dan berbangga menjadi rakyat Korea dan mahu melindungi negara mereka, katanya.

Dr Mahathir berkata budaya bangsa menentukan sama ada mereka akan berjaya atau gagal dan bangsa Korea sememangnya terkenal dengan disiplin yang tinggi dan berdedikasi dengan kerja mereka.

Beliau mengimbas kembali ketika lawatannya ke kilang-kilang di sana di mana beliau berkata ia seperti markas tentera di mana pekerja-pekerja bingkis bangun dan berdiri tegak untuk memberi tabik hormat kepadanya.

Malahan, rakyat Korea sebelum industrialisasinya datang ke Malaysia untuk mempelajari bagaimana membangunkan sebuah ekonomi yang baik daripada Pelan Ekonomi 5-tahun negara.

Bagaimanapun, Korea mencapai keputusan yang lebih baik kerana mereka sangat berdisiplin dan bekerja keras.

Sementara itu dalam ucaptamanya, Dr Mahathir berkata krisis kewangan serantau telah menyebabkan ekonomi Korea menguncup sebanyak 6.7 peratus pada 1998, kadar pengangguran naik kepada 6.8 peratus dan eksport jatuh sebanyak 4.7 peratus.

Korea yang meminjam AS\$58.4 bilion daripada IMF, berazam untuk membina semula ekonomi mereka dan keluaran dalam negara kasar (KDNK) telah memantul semula kepada 10.9 peratus pada 1999, 8.8 peratus pada 2000 dan 4.5 peratus pada 2001.

"Tetapi apa yang mengagumkan meskipun berdepan dengan krisis yang besar, Korea masih mampu membayar semula hutang IMF yang berjumlah lebih AS\$50 bilion," katanya.

Bagaimanapun, Malaysia yang mengambil laluan yang berbeza dalam bertindak balas kepada krisis itu juga pulih dengan pantas.

"Kini Korea dan Malaysia telah menemui haluan mereka, kita berdepan dengan cabaran mencari sumber pertumbuhan dan pendapatan baru bagi meningkatkan daya saing kita," kata Dr Mahathir.

Korea berjaya dalam meningkatkan keupayaan teknologi menerusi pendidikan dan latihan kemahiran dan beliau berkata, Malaysia juga perlu melakukan perkara yang sama untuk kekal kompetitif.

Beliau berkata Korea memberi keutamaan kepada pendidikan dengan mempunyai jumlah perkapita Ph.D tertinggi di dunia.

"Oleh itu kita boleh menjangkakan tahap pemikiran, kreativiti, produktiviti dan inovasinya mencerminkan pengetahuan tinggi di kalangan masyarakatnya," katanya.

Setakat ini, 317 pelajar Malaysia tajaan Kerajaan telah lulus daripada sistem pendidikan di Korea sama ada dalam mata pelajaran akademik atau teknikal dan ketika ini seramai 131 pelajar berada di Korea menjalani latihan dalam pelbagai bidang teknikal.

Korea merupakan negara dagangan ke-11 terbesar di dunia dan Perdana Menteri berkata Malaysia boleh melihat kepada kejayaannya dalam menembusi pasaran antarabangsa.

Korea telah mencipta jenama global seperti LG dan Samsung dalam barangan elektrik dan elektronik manakala Hyundai dan Kia merupakan kereta popular di AS dan Eropah. Korea bakal menjadi pengeluar automotif ke-5 terbesar di dunia daripada kedudukan ke-10 kira-kira 10 tahun lalu.

Bagaimanapun, pencapaian Korea bukan sahaja terhad kepada ekonomi tetapi juga dalam arena sukan antarabangsa apabila ia berjaya menganjurkan Sukan Olimpik pada 1998 dan baru-baru ini sebagai tuan rumah bersama kejohanan Piala Dunia dengan Jepun.

Sesungguhnya memang banyak faktor yang menyumbang bersama kepada Korea untuk mencapai kedudukannya seperti sekarang ini dan cabaran bagi Malaysia adalah untuk menterjemah pengalaman pembelajaran ini menjadi dasar dan strategi bagi diguna pakai kepada kita, kata Dr Mahathir.

Dalam sesi dialog itu, Perdana Menteri di tanya sama ada tenaga buruh di Jepun yang digunakan untuk menyumbang kepada kejayaannya telah berubah.

Berhubung soalan ini beliau berkata terdapat perubahan dalam etika bekerja bangsa Jepun kerana tenaga buruh kini kurang berdisiplin dan tidak bekerja kuat berbanding sebelumnya terutama di kalangan golongan muda.

"Saya rasa Jepun mahu mengubah keseluruhan budayanya dan mengguna pakai budaya Barat. Tetapi bukan mudah untuk berubah. Di Barat anda boleh buang pekerja, mereka mendapat duit dan hidup gembira tanpa perlu bekerja. Tiada apa yang perlu dimalukan berhubung perkara itu. Tetapi bangsa Jepun berbeza. Jika mereka dibuang kerja, mereka merasa malu dan tidak mahu kembali semula kepada keluarga mereka," katanya.

Mengenai mengapa Malaysia masih memandang ke Timur di Jepun, beliau berkata Malaysia perlu mengelak daripada melakukan kesilapan-kesilapan seperti yang dilakukan oleh Jepun -- BERNAMA

SHO KTC ZK